

BUKU TEKS KELAS PENGAJIAN ISLAM PERKIM

SIRAH

TAHAP PERTENGAHAN



PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

Edisi Pertama

BUKU TEKS KELAS PENGAJIAN ISLAM PERKIM

SIRAH

TAHAP PERTENGAHAN



PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

Edisi Pertama

Cetakan Pertama, 2021
©Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, 2021

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindah kepada bentuk lain sama ada dalam bentuk termasuk elektronik, mekanikal, gambar, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa mendapat izin daripada Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

ISBN 978-967-25609-8-2

Dr. Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Dr. Amiratul Munirah Yahaya,
Dr. Faezy Adenan, Prof Madya Dr. Mohd Afandi Mat Rani

1. Pengajian Untuk Mualaf
2. Pengajian Sirah Tahap Pertengahan-Religious Aspects-Islam
I.Judul

Penerbit

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)
Ibu Pejabat PERKIM Kebangsaan
Tingkat 4 & 6, Bangunan PERKIM
150, Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh)
51200 Kuala Lumpur

Laman sesawang: www.perkim.net.my
Tel: 03-40412482/ 03-40426224
Faks: 03-40427403
Website: <https://perkim.net.my>
Emel: info@perkim.net.my

Pencetak

Sarjana Media Sdn. Bhd.
No.38, Jalan Usahawan 7 Off Jalan Kilang
Taman Sri Rampai, Wilayah Persekutuan
53300 Kuala Lumpur
Tel 03 41417424

EDITORIAL

Penasihat

Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor

Ketua Editor

Tuan Haji Mamat Che Chik

Penolong Ketua Editor

Dr. Suariza@Hidayah Muhammad

Editor

Encik Muhammad Farhan Tee Abdullah

Encik Muhammad Jais Mariappan Abdullah

Puan Siti Munirah Sayed Mohd Hamdan

Puan Nur Syahirah Musa

Encik Abdul Qawi Navine Abdullah

Encik Mohd Yusoff Ahmad

Encik Ghazali Ismail

Encik Mohamad Nizam Abd Razak

Cik Zaatil Hidaayah Ahmad Bustaman

Puan Wan Zubaidah Wan Yusoff

Puan Rukiah Sungip

Encik Zafri Ismaiskandar Abdul Ghani

Encik Sh Muhammad Amiruddin Sh Sulaiman

Haji Khalid Mohd Noor

Encik Syed Azman Syed Ariffin

Puan Siti Nasyrah Rosli

Encik Muhammad Faiz Md Yusoff

Haji Mohd Subri Jaafar

Puan Rosnaliza Ahmadiyah

Puan Aishah Abdul Wahab

Encik Mohd Jogi Panjaitan Maruli

Dr. Mohd Faisal Mohamed

Encik Abdul Ghani Abdullah

Encik Ali Abdullah @ Lee Kin Hong

Puan Nur Habeebah Muniandi

Sidang Editorial

Prof. Madya Dr. Razaleigh Muhamat @ Kawangit

Prof. Madya Dr. A'dawiyah Ismail

Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Mat Rani

Prof. Madya Dr. Mariam Abd. Majid

Dr. Muhammad Yusuf Marlon Abdullah

Dr. Nor Raudah Hj. Siren

Dr. Muhammad Ayman al-Akiti

Dr. Aisyah Jami'an, S.Ag

Dr. Azri Bhari

Dr. Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif

Dr. Amiratul Munirah Yahaya

Dr. Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao

Dr. Faezy Adenan

Encik Ahmad A'toa' Mokhtar

Encik Kamarulzaman Kawi

Urusetia

Encik Firdaus Lokman Tah

Encik Ahmad Hasaidi Said

Encik Muhammad Hizam Abdul Rahim

Cik Nur Shazleen R. Samsul Bahari

Cik Umi Musfirah Abdul Ghani

PENDAHULUAN

Buku Pengajian Sirah Tahap Pertengahan adalah sambungan kepada Buku Pengajian Sirah Tahap Asas yang memberi pendedahan kepada aspek-aspek penting bagi mengenal sirah Nabi Muhammad SAW yang diutuskan Allah SWT sebagai nabi-Nya. Nabi Muhammad SAW adalah sebaik-baik penciptaan yang wajib kita ikuti dan contohi.

Kelahiran Nabi Muhammad SAW sebagai rujukan, ikutan dan teladan yang memastikan kehidupan harian kita berlandaskan syariat dengan memakmurkan muka bumi yang sudah sedia diciptakan oleh Allah SWT ini dan melaksanakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya berlandaskan al-Quran dan as-Sunah.

Oleh itu, buku ini diterbitkan kepada mualaf yang mahu mengenali dirinya sebagai hamba dan mengenali Allah SWT sebagai Penciptanya dan Nabi Muhammad itu sebagai utasan-Nya.

KANDUNGAN

BAHAGIAN 1 - PELANTIKAN NABI MUHAMMAD SAW MENJADI RASUL

1. PELANTIKAN NABI MUHAMMAD SAW MENJADI RASUL.....	1
1.1 Peristiwa Turun Wahyu di Gua Hira	1
1.2 Dakwah Secara Sulit	2
1.3 Dakwah Secara Terbuka	2
1.4 Tentang Orang Kafir Terhadap Rasulullah SAW.....	3

BAHAGIAN 2 - MUKJIZAT

2. MUKJIZAT	6
2.1 Mukjizat Nabi dan Rasul	6
2.2 Mukjizat Nabi Muhammad SAW	10
2.2.1 Al-Quran	10
2.2.2 Peristiwa Israk dan Mikraj.....	12
2.2.3 Peristiwa Bulan Terbelah Dua	14
2.2.4 Tangisan Sebatang Pokok yang Rendang.....	16
2.2.5 Keberkatan Makanan yang Sedikit.....	17

BAHAGIAN 3 - TUNTUTAN MENGHAYATI SUNAH RASULULLAH SAW

3. TUNTUTAN MENGHAYATI SUNAH RASULULLAH SAW.....	19
3.1 Pengertian Sunah dan Hadis	19
3.2 Sebab-sebab Sunah Perlu Diikuti.....	21
3.3 Sunah yang Wajib dan Sunah yang Sunat.	27
3.3.1 Dibolehkan kepada Nabi SAW, tetapi Haram bagi Umatnya	28
3.3.2 Wajib bagi Nabi SAW, tetapi Sunat bagi Umatnya	28
3.3.3 Haram kepada Rasulullah SAW tetapi dibolehkan kepada umatnya	29
3.4 Penggunaan Sunah dalam Kehidupan Sehari-hari	31
3.5 Kelebihan Mengamalkan Sunah.....	32
3.6 Ibrah (Pengajaran) dari Mempelajari Bab Sunah	32

BAHAGIAN 4 - SEJARAH PERKEMBANGAN DAKWAH PADA ZAMAN RASULULLAH SAW

4. SEJARAH PERKEMBANGAN DAKWAH PADA ZAMAN RASULULLAH SAW 34

4.1 Dakwah di Mekah 34

4.2 Dakwah di Madinah 38

4.3 Peristiwa Hijrah Nabi Muhammad SAW 41

 4.3.1 Peristiwa Hijrah ke Habsyah..... 41

 4.3.2 Peristiwa Hijrah ke Taif 42

 4.3.3 Nabi SAW Berhijrah ke Madinah 43

4.4 Nabi SAW Berhijrah Bersama-sama dengan Abu Bakar RA 44

4.5 Kesan Hijrah kepada Perkembangan Islam 45

4.6 Pengajaran daripada Peristiwa Dakwah dan Hijrah Nabi SAW 47

BAHAGIAN 1

PELANTIKAN NABI MUHAMMAD SAW MENJADI RASUL

1. PELANTIKAN NABI MUHAMMAD SAW MENJADI RASUL

1.1 Peristiwa Turun Wahyu di Gua Hira

Sebelum Nabi Muhammad SAW dilantik menjadi rasul, Baginda SAW sering bersendirian dan mengasingkan diri untuk beribadah di Gua Hira. Setiap tahun, Baginda SAW akan memperuntukkan beberapa hari untuk ke sana, terutamanya pada bulan Ramadhan.

Selepas peristiwa di Gua Hira itu, Nabi Muhammad SAW pulang dengan penuh ketakutan dan gementar. Apabila sampai di rumah, Baginda SAW meminta isterinya Khadijah untuk menyelimutinya. Setelah hatinya kembali tenang, barulah Baginda SAW menceritakan kepada isterinya yang tercinta tentang peristiwa yang berlaku di Gua Hira. Kemudian Nabi Muhammad SAW bersabda: *“Sesungguhnya aku takut (ke atas diriku).”* Lalu Khadijah berkata kepadanya: *“Jangan begitu, Allah sesekali tidak akan mengecewakan kamu. Sesungguhnya kamu menyambung hubungan kekeluargaan, bercakap benar, membantu anak yatim, memuliakan tetamu dan membantu orang yang benar.”*

Setelah itu, Khadijah bersama Nabi Muhammad SAW pergi menemui Waraqah bin Naufal Ibnu Asad bin Abdul Uzza iaitu saudara kepada Khadijah RA. Waraqah merupakan seorang pendeta Nasrani yang mahir tentang kitab *Ibrani*.

Di hadapan Waraqah, Khadijah RA menceritakan apa yang telah berlaku kepada suaminya. Mendengar tutur kata Khadijah, Waraqah pun berkata kepadanya: *“Itulah Jibril AS*

yang pernah diturunkan Allah ke atas Nabi Musa AS". Beliau menyambung lagi: "Tidak pernah datang seorang pun yang membawa ajaran seumpama yang engkau bawa itu melainkan dia akan dimusuhi. Dan sekiranya aku masih ada ketika itu, pasti aku akan menolong engkau dengan bersungguh-sungguh".

1.2 Dakwah Secara Sulit

Di peringkat awal permulaan Islam, dakwah dilakukan secara sulit di kota Mekah. Rasulullah SAW mengembangkan ajaran Islam secara sembunyi dengan menyampaikan kepada orang-orang yang terdekat dengannya terlebih dahulu. Baginda SAW juga memperkenalkan Islam dalam kalangan orang yang Baginda SAW percayai. Peringkat dakwah secara sembunyi ini berlangsung selama tiga tahun. Faktor utama pendekatan secara rahsia adalah bagi mengelakkan golongan Musyrikin mengetahui tentang agama Islam lebih-lebih lagi mereka adalah golongan yang begitu taksub dengan sembahhan berhala sejak sekian lama.

Pada ketika itu, sahabat-sahabat Nabi Muhammad SAW yang telah memeluk Islam berkumpul di rumah Al-Arqam bin Abi Al-Arqam bagi mendalami ajaran Islam daripada Baginda SAW. Hasil dakwah secara sulit, beberapa orang lelaki dan wanita yang terkenal dengan pemikiran yang matang dan jiwa yang sejahtera, telah memeluk Islam. Bilangan mereka yang memeluk Islam mencapai kira-kira 40 orang dan kebanyakan mereka adalah dalam kalangan golongan fakir dan hamba yang tiada kedudukan di sisi kaum Quraisy Mekah.

1.3 Dakwah Secara Terbuka

Setelah tiga tahun berlalu dakwah secara sulit, bilangan umat Islam kian bertambah. Allah SWT telah memerintahkan Rasulullah SAW untuk menyampaikan dakwah Islam secara terang-terangan melalui firmanNya dalam Surah al-Hijr (15) ayat 94:

فَأَصَدِّعْ بِمَا تُوْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ ﴿٩٤﴾

Maksudnya: Oleh itu, sampaikanlah secara berterus-terang apa yang diperintahkan kepadamu (wahai Muhammad), dan janganlah engkau hiraukan bantahan dan tentangan kaum kafir musyrik itu. (94)

Ekoran dakwah secara terang-terangan itu, bermulalah peringkat menyakiti orang-orang mukmin yang baharu memeluk Islam. Bahkan Rasulullah SAW turut disakiti dan ada yang terbunuh syahid. Orang-orang musyrik berasa marah dengan ajaran Islam yang mendedahkan kebatilan (kejahatan) pemikiran mereka dan membongkar kecacatan berhalal sembah mereka.

Ketika puak musyrikin Quraisy ingin bertindak keras ke atas Nabi Muhammad SAW, Baginda SAW sentiasa dilindungi oleh bapa saudaranya, Abu Talib. Abu Talib adalah seorang pembesar ternama di kota Mekah. Beliau enggan menyerahkan Baginda SAW kepada mereka.

1.4 Tentangan Orang Kafir Terhadap Rasulullah SAW

Kaum musyrikin Quraisy telah bersepakat dan membuat keputusan sebulat suara untuk membunuh Nabi Muhammad SAW. Mereka telah memilih seorang pemuda terbaik dalam kalangan Quraisy sebagai tukaran kepada Nabi Muhammad SAW. Keputusan ini disampaikan kepada Bani Hasyim dan Bani Abdul Mutalib. Tetapi Bani Hasyim dan Bani Abdul Mutalib tidak mahu menyerahkan Rasulullah kepada kaum kafir Quraisy. Oleh itu, rancangan mereka gagal.

Setelah rancangan membunuh Nabi Muhammad tidak berjaya, agenda kaum Quraisy untuk menentang ajaran yang dibawa oleh Baginda SAW diteruskan. Mereka bermuafakat untuk memulaukan Baginda SAW, orang Islam serta kalangan

Bani Hasyim dan Bani Abdul Mutalib yang mempertahankan Baginda SAW. Bagi mencapai tujuan ini, mereka telah menandatangani satu perjanjian bertulis yang menyatakan mereka tidak akan mengahwini, tidak berjual-beli, menyekat sumber rezeki, tidak menerima sebarang perdamaian dan tidak akan berbelas kasihan kepada Bani Hasyim dan Bani Abdul Mutalib, melainkan jika Nabi Muhammad SAW diserahkan kepada mereka untuk dibunuh.

Naskah perjanjian ini digantung di Kaabah. Seluruh kaum kafir Quraisy di Mekah berpegang kepada perjanjian itu selama tiga tahun. Bermula dari bulan Muharram tahun ketujuh hingga tahun kesepuluh selepas kebangkitan Baginda SAW sebagai Rasul Allah. Nabi Muhammad SAW bersama-sama golongan muslimin yang lain berjuang bersungguh-sungguh selama tiga tahun. Ujian atas mereka terlalu berat sehinggakan mereka terpaksa memakan daun-daun dan pucuk kayu.

Sebaik sahaja memasuki tiga tahun tempoh pemuluan, satu puak daripada Bani Qusai telah bersepakat untuk melanggar perjanjian itu. Pada masa yang sama, Allah mengutuskan anai-anai untuk memamah naskah perjanjian yang tergantung di Kaabah. Dengan itu, perjanjian pemuluan telah terbatal.

1.4.1 Faktor-faktor Berlaku Tentangan Terhadap Dakwah Nabi SAW

1) Faktor agama.

Ajaran Islam yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW itu bertentangan dengan penyembahan berhala yang telah sebatu menjadi darah daging orang-orang Mekah. Dari sudut akidah, Islam menekankan tauhid, kepercayaan kepada Allah SWT yang Maha Esa dan menentang amalan syirik. Penyembahan berhala dianggap sebagai agama tradisi nenek moyang mereka yang mesti dipertahankan. Oleh sebab itu, mereka menentang

Nabi Muhammad SAW kerana dianggap mahu meruntuhkan tradisi itu.

2) Faktor pengekalan kuasa dan pengaruh.

Sebelum ini kepimpinan kota Mekah terletak di tangan Hasyim, moyang Nabi Muhammad SAW dan Abdul Mutalib. Setelah itu ia berpindah ke tangan Abu Talib, bapa saudara Baginda SAW. Besar kemungkinan kepimpinan itu akan diwarisi oleh Nabi Muhammad SAW kerana keupayaannya yang luar biasa. Jika mereka memeluk Islam dan mengikut Baginda SAW bermakna kepimpinan itu akan terus berada di tangan Bani Hasyim.

3) Faktor kedudukan sosial

Agama Islam yang disampaikan Nabi Muhammad SAW ialah agama tauhid yang menyeru kepada keadilan sosial dan persamaan taraf manusia. Hal ini amat bertentangan dengan sistem sosial jahiliah yang masih dikuasai oleh bangsawan kaum Quraisy. Mereka masih berpegang dengan taraf dan kedudukan sosial yang berbeza. Dengan terlaksananya ajaran Islam, bermakna tidak ada lagi perbezaan antara ketua dan pengikut, antara yang kaya dengan miskin dan antara tuan dengan hamba.

4) Faktor dominasi ekonomi.

Orang-orang Quraisy mengamalkan penjualan berhala. Seandainya mereka memeluk Islam, maka sudah tentu punca rezeki mereka akan hilang kerana Islam tidak membenarkan pembuatan patung berhala dan menjualnya. Amalan penyembahan ini juga merupakan warisan nenek moyang mereka. Oleh itu mereka berasa begitu sensitif apabila Nabi Muhammad SAW menentang penyembahan berhala mereka.

BAHAGIAN 2

MUKJIZAT

2. MUKJIZAT

Mukjizat merupakan perkara luar biasa yang menyalahi adat kebiasaan yang berlaku kepada seorang nabi atau rasul bagi membuktikan kenabian dan kerasulan.

2.1 Mukjizat Nabi dan Rasul

Allah SWT mengurniakan mukjizat kepada para nabi dan rasul bagi membuktikan seruan dan dakwah mereka sebagai utusan Allah kepada umat mereka. Antara mukjizat yang dimiliki para nabi dan rasul adalah:

1) Nabi Daud AS

Nabi Daud AS memiliki suara merdu sehingga makhluk lain pun ikut bertasbih bersamanya dan boleh berbicara dengan burung. Firman Allah SWT dalam Surah Saba' (34) ayat 10:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا دَاوُدَ مِنَّا فَضْلًا ۖ يَجِبَالٌ ءُوتِي مَعَهُ

وَالطَّيْرُ ۗ وَالنَّارُ لَهُ الْخَدِيدُ ﴿١٠﴾

Maksudnya: "Dan demi sesungguhnya, Kami telah memberikan kepada Nabi Daud limpah kurnia dari Kami (sambil Kami berfirman): "Hai gunung-ganang, ulang-ulangilah mengucap tasbih bersama-sama dengan Nabi Daud, dan wahai burung-burung (bertasbihlah bersama-sama dengannya)!" Dan juga telah melembutkan besi baginya". (10)

2) Nabi Ibrahim AS

Nabi Ibrahim AS tidak hangus dibakar, kerana berubahnya api yang membakarnya menjadi sejuk dan selamat untuknya. Firman Allah SWT dalam Surah al-Anbiyaa' (21) ayat 69:

فُلْنَا يِنَارًا كُونِي بَرْدًا وَسَلَامًا عَلَيَّ اِبْرَاهِيْمَ ﴿٦٩﴾

Maksudnya: Kami berfirman: "Hai api, jadilah engkau sejuk serta selamat sejahtera kepada Ibrahim!". (69)

3) Nabi Yusuf AS

Nabi Yusuf AS memiliki ketampanan luar biasa dan mampu mentafsir mimpi-mimpi. Firman Allah SWT dalam Surah Yusuf (12) ayat 31:

فَلَمَّا سَمِعَتْ بِمَكْرِهِنَّ اَرْسَلَتْ اِلَيْهِنَّ وَاَعْتَدَتْ لِهِنَّ
مُتَّكًا ؕ وَاَوَاتَتْ كُلَّ وَاحِدَةٍ مِّنْهُنَّ سَكِيْنًا وَقَالَتْ
اُخْرِجْ عَلَيِهِنَّ فَلَمَّا رَاَيْتُهُ وَاَكْبَرْتَهُ وَقَطَّعْنَ
اَيْدِيَهُنَّ وَقُلْنَ حَاشَ لِلّٰهِ مَا هٰذَا بَشَرًا اِنْ هٰذَا اِلَّا
مَلَكٌ كَرِيْمٌ ﴿٣١﴾

Maksudnya: Maka apabila ia (Zulaikha) mendengar cacian mereka, dia pun menjemput mereka dan menyediakan satu

jamuan untuk mereka, serta memberi kepada - tiap seorang di antara mereka sebilah pisau. Dan pada ketika itu berkatalah ia (kepada Yusuf): "Keluurlah di hadapan mereka". Maka ketika mereka melihatnya, mereka tercengang melihat kecantikan parasnya, dan mereka dengan tidak sedar melukakan tangan mereka sambil berkata: "Jauhnya Allah dari kekurangan! Ini bukanlah seorang manusia, ini tidak lain melainkan malaikat yang mulia!" (31)

4) Nabi Sulaiman AS

Nabi Sulaiman AS boleh bertutur dengan haiwan, menguasai bangsa jin dan mampu menundukkan angin serta memiliki kerajaan yang luar biasa. Firman Allah SWT dalam Surah an-Naml (27) ayat 18-19:

حَتَّىٰ إِذَا أَتَوْا عَلَىٰ وَادِ النَّمْلِ قَالَتْ نَمْلَةٌ يَا أَيُّهَا النَّمْلُ
 ادْخُلُوا مَسَكِنَكُمْ لَا يَحْطِمَنَّكُمْ سُلَيْمٌ
 وَجُنُودُهُ وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿١٨﴾ فَتَبَسَّمَ ضَاحِكًا مِّنْ
 قَوْلِهَا وَقَالَ رَبِّ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِي
 أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَالِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ
 وَأَدْخِلْنِي بِرَحْمَتِكَ فِي عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ ﴿١٩﴾

Maksudnya: (Maralah angkatan itu) hingga apabila mereka sampai ke "Waadin-Naml", berkatalah seekor semut: "Wahai sekalian semut, masuklah ke sarang kamu masing-masing, jangan Sulaiman dan tenteranya memijak serta membinasakan kamu, sedang

mereka tidak menyadari". (18) Maka tersenyumlah Nabi Sulaiman mendengar kata-kata semut itu, dan berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatMu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapakku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan masukkanlah daku - dengan limpah rahmatMu - dalam kumpulan hamba-hambaMu yang soleh". (19)

5) Nabi Isa AS

Nabi Isa AS memiliki kemampuan menyembuhkan orang buta, menyembuhkan penderita kusta dan menghidupkan orang mati. Firman Allah SWT dalam Surah al-Maa'idah (5) ayat 110:

إِذْ قَالَ اللَّهُ يَا عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ اذْكُرْ نِعْمَتِي عَلَيْكَ
وَعَلَىٰ وَالِدَتِكَ إِذْ أَيَّدتُّكَ بِرُوحِ الْقُدُسِ تُكَلِّمُ
النَّاسَ فِي الْمَهْدِ وَكَهَلًا وَإِذْ عَلَّمْتُكَ الْكِتَابَ
وَالْحِكْمَةَ وَالتَّوْرَةَ وَالْإِنْجِيلَ وَإِذْ تَخْلُقُ مِنَ الطِّينِ
كَهَيِّءِ الطَّيْرِ بِإِذْنِي فَتَنفُخُ فِيهَا فَتَكُونُ طَيْرًا
بِإِذْنِي وَتُبْرِئُ الْأَكْمَةَ وَالْأَبْرَصَ بِإِذْنِي وَإِذْ نُخْرِجُ
الْمَوْتَىٰ بِإِذْنِي وَإِذْ كَفَفْتُ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَنْكَ إِذْ
جِئْتَهُم بِالْبَيِّنَاتِ فَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ إِنْ هَذَا


إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿١١٠﴾

Maksudnya: *(Ingatlah) ketika Allah berfirman: "Wahai Isa ibni Maryam! Kenanglah nikmatKu kepadamu dan kepada ibumu, ketika Aku menguatkanmu dengan Ruhul-Qudus (Jibril), iaitu engkau dapat berkata-kata dengan manusia (semasa engkau masih kecil) dalam buaian dan sesudah dewasa; dan (ingatlah) ketika Aku mengajarmu menulis membaca, dan hikmat pengetahuan, khasnya Kitab Taurat dan Kitab Injil; dan (ingatlah) ketika engkau jadikan dari tanah seperti bentuk burung dengan izinKu, kemudian engkau tiupkan padanya, lalu menjadilah ia seekor burung dengan izinku; dan (ingatlah ketika) engkau menyembuhkan orang buta dan orang sopak dengan izinku; dan (ingatlah) ketika engkau menghidupkan orang-orang yang mati dengan izinKu; dan (ingatlah) ketika Aku menghalangi Bani Israil daripada membunuhmu, ketika engkau datang kepada mereka dengan membawa keterangan-keterangan (mukjizat), lalu orang-orang yang kafir di antara mereka berkata: "Bahawa ini hanyalah sihir yang terang nyata" (110)*

2.2 Mukjizat Nabi Muhammad SAW

2.2.1 Al-Quran

Apabila turunnya al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW, Baginda SAW telah menyampaikan dan membacakan kandungannya kepada masyarakat Arab. Pelbagai tanggapan telah dibuat oleh orang yang mendengar dakwah Baginda SAW. Ada yang menerima ajaran agama yang dibawa oleh Rasulullah SAW itu dan ada pula yang menolak serta menentang.



Gambar 1: Al-Quran Merupakan Sumber Rujukan Pertama bagi Orang Islam.

Nabi Muhammad SAW menyampaikan ayat al-Quran kepada masyarakat Quraisy. Kaum Quraisy ialah satu bangsa yang menguasai Kota Mekah dan amat terkenal dengan kefasihan mereka dalam berbahasa Arab. Mereka membuat tohmahan dan menuduh bahawa al-Quran merupakan hasil karangan dan ciptaan Nabi Muhammad SAW. Tuduhan ini menyebabkan Allah SWT mencabar manusia yang tidak mempercayai al-Quran ini sebagai wahyu daripada-Nya, agar mencipta dan mengarang suatu surah sebanding dengan al-Quran. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Israa' (17) ayat 88:

قُلْ لَّيْنِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْحِجْنُ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا
بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ وَلَا كَانَ

بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan Al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri". (88)*

Masyarakat Arab jahiliyah telah memanggil para penyair yang hebat dalam kalangan mereka untuk menyahut cabaran tadi tetapi akhirnya gagal. Mereka terdiri daripada sasterawan yang bijaksana untuk membuat puisi namun bahasa yang telah digunakan oleh mereka tidak dapat menandingi keindahan dan kehebatan bahasa al-Quran. Mereka tidak dapat menyahut cabaran mencipta ayat seumpama al-Quran walaupun satu ayat. Disebabkan kegagalan itu, akhirnya mereka menggunakan kekerasan untuk menentang penyebaran agama baru yang didakwa menyeleweng daripada agama nenek moyang mereka.

2.2.2 Peristiwa Israk dan Mikraj

Israk bermaksud perjalanan Rasulullah SAW dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjid al-Aqsa di Baitulmaqdis, Palestin.

Mikraj bermaksud perjalanan naik Rasulullah SAW dari Masjid al-Aqsa ke *Sidratul Muntaha*.

Beberapa bulan sebelum peristiwa hijrah dari Mekah ke Madinah, Allah SWT telah membawa Nabi Muhammad SAW dalam sebuah perjalanan dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjidil Aqsa di Palestin dalam tempoh satu malam. Dari Palestin, Baginda SAW di Mikrajkan (diangkat) menuju ke *Sidratul Muntaha* di langit untuk menerima kefardhuan solat dan menyaksikan tanda-

tanda kebesaran Allah SWT. Sebagaimana dalam Surah al-Israa' (17) ayat 1:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ
الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ
لِنُرِيَهُ مِن آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Maksudnya: Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Mekah) ke Masjid al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat. (1)

Kebenaran Israk dan Mikraj telah terbukti apabila Rasulullah SAW mampu menjelaskan bahawa Baginda SAW terjumpa satu rombongan dagangan ketika dalam perjalanan pulang. Bahkan, Baginda SAW juga dapat menceritakan di mana tempat mereka berada dan bila mereka dijangka tiba di Mekah. Pada waktu tersebut, rombongan itu tiba seperti dijangkakan sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Baginda SAW. Selain itu, Baginda SAW diketahui tidak pernah menjejakkan kaki di bumi Palestin sebelum ini, tetapi Baginda SAW mampu menggambarkan dengan terperinci keadaan Masjidil Aqsa kepada para pengkritik sebagai bukti bahawa Baginda SAW pernah sampai dan melihatnya sendiri ketika peristiwa Israk dan Mikraj.

Peristiwa Israk dan Mikraj ini merupakan hadiah dan sebagai imbalan daripada apa yang telah Rasulullah SAW hadapi terutamanya pada tahun sama yang juga

dikenali sebagai tahun kesedihan. Melalui peristiwa agung ini juga, Baginda SAW menerima perintah daripada Allah SWT untuk mengerjakan solat lima waktu sehari semalam. Perintah ini diturunkan secara langsung oleh Allah SWT kepada Baginda SAW tanpa adanya perantaraan Malaikat Jibril AS.



Gambar 2: Masjid al-Aqsa

2.2.3 Peristiwa Bulan Terbelah Dua

Allah SWT telah memperlihatkan kebenaran Rasulullah SAW ketika para musyrikin Mekah menuntut supaya dibuktikan bahawa Baginda SAW benar-benar merupakan seorang rasul. Dalam peristiwa itu, Allah SWT telah membelahkan bulan kepada dua bahagian yang berasingan dan kemudian mencantumkannya kembali. Peristiwa istimewa ini tercatat di dalam al-Quran Surah al-Qamar (54) ayat 1:

أَقْرَبَتِ السَّاعَةُ وَأَنْشَقَّ الْقَمَرُ ﴿١﴾

Maksudnya: *Telah hampir saat (kedatangan hari kiamat) dan terbelahlah bulan. (1)*

Dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari (3579):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ أَهْلَ مَكَّةَ
سَأَلُوا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُرِيَهُمْ
آيَةً فَأَرَاهُمُ الْقَمَرَ شَقَّتَيْنِ حَتَّى رَأَوْا حِرَاءَ بَيْنَهُمَا

Bermaksud: *Dari Anas bin Malik RA, bahwa penduduk Mekah meminta kepada Rasulullah SAW agar beliau menunjukkan tanda-tanda (mukjizat). Maka beliau memperlihatkan kepada mereka di mana bulan terbelah menjadi dua bagian hingga dapat terlihat gua Hira dari celah di antaranya".*

Melalui peristiwa bulan terbelah dua ini, difahami dengan jelas tentang isyarat kemunculan Hari Kiamat yang semakin dekat melalui pembelahan bulan pada zaman Nabi SAW. Ibn Katsir menjelaskan, Huzaifah RA telah menyampaikan khutbah di hadapan ramai orang: "Ingatlah, Hari Kiamat benar-benar sudah dekat. Bukankah bulan telah terbelah? Dan bukankah dunia ini akan hancur lebur? Ingatlah hari ini merupakan saat terakhir dari perbuatan buruk, sedangkan esok adalah saat pecutan dalam hal kebajikan."

Oleh itu, sebagai umat Islam, kita wajib mempercayai kejadian terbelahnya bulan yang merupakan salah satu daripada mukjizat Nabi Muhammad SAW dan ia dijadikan Allah SWT adalah untuk memberi peringatan

kepada hamba-Nya mengenai Hari Kiamat yang bakal tiba kelak.

2.2.4 Tangisan Sebatang Pokok yang Rendang

Ketika di Madinah, Nabi Muhammad SAW sering menyampaikan khutbah sambil bersandar pada sebatang pokok tamar yang rendang. Apabila bilangan orang yang beriman kian meningkat, seseorang telah mencadangkan supaya membina sebuah mimbar agar Baginda SAW boleh berkhotbah di situ. Setelah mimbar siap dibina, Baginda SAW tidak lagi bersandar di pokok tersebut.

Suatu hari, di hari Jumaat ketika penduduk Madinah sedang bersedia untuk mengerjakan solat Jumaat, ketika Nabi Muhammad SAW memberikan khutbah dari atas mimbar, tiba-tiba digemparkan dengan suara tangisan yang teramat pilu dan tidak berhenti. Suara seperti regekan anak kecil yang ternyata datang dari dalam Masjid Nabawi. Para sahabat Rasul yang berada di masjid pun kebingungan, anak siapa yang menangis sedemikian.

Rupa-rupanya, suara tangisan tersebut datang dari pokok tamar tempat Baginda SAW sering bersandar. Mendengar suara tangisan si pohon tamar, Rasulullah dari mimbar lantas mendekatinya. Baginda SAW membelai-belainya dan memeluknya. Setelah dipeluk, pohon tamar tersebut tidak lagi menangis dan dirundung kesedihan. Meskipun tidak lagi mendampingi Nabi Muhammad SAW, mendapat pelukan dari Nabi sudah cukup mengubati rasa sedihnya. Melalui mukjizat Nabi Muhammad SAW ini membuktikan kemuliaan yang ada pada Baginda SAW sehinggakan pohon tamar juga merasai kesedihan kerana terlalu merindunya.

2.2.5 Keberkatan Makanan yang Sedikit

Ketika berlakunya peperangan Ahzab ataupun juga dipanggil sebagai Khandaq, tentera muslimin telah menggali tanah sebagai benteng perlindungan diri sebelum berlakunya peperangan. Keadaan Baginda SAW bersama para sahabat ketika itu amat menyedihkan. Bayangkan Baginda SAW dan para sahabat telah mengikat perut masing-masing dengan seketul batu kerana menahan lapar. Selama 3 hari mereka tidak menjamah apa-apa makanan sedikit pun. Seorang sahabat Nabi Muhammad SAW, Jabir bin Abdullah RA yang telah melihat keadaan tersebut, segera pulang ke rumah untuk memasak makanan seadanya apa yang beliau miliki.

Sampainya di rumah Jabir RA bertanya kepada isterinya, “Aku melihat sesuatu pada diri Nabi, yang bila sahaja aku melihatnya tentu aku tidak akan sabar. Apakah kamu mempunyai sesuatu?”. “Kita mempunyai satu takar gandum dan seekor anak kambing betina,” jawab isteriku. Selesai dimasak, Jabir RA berhasrat untuk membawa periuk yang berisi makanan kepada Nabi Muhammad SAW.

Namun, beliau berasa gusar kerana makanan yang dibawa hanya sedikit. Lantas beliau berbisik kepada Nabi Muhammad SAW, “Kami mempunyai sedikit makanan yang telah kami buat. Kemarilah engkau wahai Rasulullah bersama seorang atau dua orang sahaja.”

Nabi Muhammad SAW mengarahkan Jabir RA, agar periuknya jangan diangkat dari tungku, begitu juga adunan rotinya sehingga kedatangan Baginda SAW. Baginda SAW telah memanggil semua tentera muslimin yang sedang menggali parit untuk makan makanan yang telah dimasak oleh Jabir RA. Ini menjadikan hati Jabir RA bertambah resah. Mana mungkin makanan yang sedikit mampu dikongsi dengan sebegitu ramai orang.

Jumlah yang datang adalah kira-kira seribu orang. Dengan keberkatan yang ada pada Nabi Muhammad SAW pada hari tersebut, makanan yang asalnya sedikit, tetapi kesemua yang hadir dapat memakannya dan diagihkan kepada jiran tetangga.

BAHAGIAN 3

TUNTUTAN MENGHAYATI SUNAH RASULULLAH SAW

3. TUNTUTAN MENGHAYATI SUNAH RASULULLAH SAW

3.1 Pengertian Sunah dan Hadis

Sunah dari Sudut Bahasa: Jalan atau kehidupan sama ada ia bersifat terpuji atau sebaliknya.

Sunah dari Segi Istilah: etiap perkara yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sama ada berbentuk percakapan, perbuatan ataupun persetujuan (iqrar) daripada Nabi SAW.

Hadis dari Segi Bahasa: Baharu atau berita.

Hadis dari Segi Istilah: Segala apa sahaja yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW dari segi perkataan, perbuatan dan taqirir (pengakuan) atau sifat sama ada fizikal atau akhlak dan sirah dan sama ada sebelum dan selepas menjadi Rasul.

Contoh Sunah percakapan ialah: Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan Imam al-Bukhari (54):

الأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ،

Bermaksud: "Segala amalan itu bermula dengan niat,"

Contoh Sunah perbuatan ialah: Cara Rasulullah SAW bersolat. Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari (6008):

صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي

Bermaksud: “Bersolatlah kamu sebagaimana kamu melihat aku bersolat.”

Contoh Sunah persetujuan: Sahabat Nabi SAW memakan *Dhab* (sejenis biawak padang pasir), tetapi Nabi tidak melarangnya. Sebagaimana dalam hadis riwayat Imam Muslim (1945), daripada Abdullah bin Abbas RA berkata:

دَخَلْتُ أَنَا وَخَالِدُ بْنُ الْوَلِيدِ، مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْتَ مَيْمُونَةَ، فَأُتِيَ بِضَبِّ مَحْنُودٍ، فَأَهْوَى إِلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدِهِ، فَقَالَ بَعْضُ النَّسْوَةِ اللَّاتِي فِي بَيْتِ مَيْمُونَةَ: أَخْبِرُوا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَا يُرِيدُ أَنْ يَأْكُلَ، فَرَفَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَهُ، فَقُلْتُ: أَحْرَامٌ هُوَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: لَا، وَلَكِنَّهُ لَمْ يَكُنْ بِأَرْضِ قَوْمِي فَأَجِدُنِي أَعَافُهُ، قَالَ خَالِدٌ: فَاجْتَرَرْتُهُ فَأَأْكَلْتُهُ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنْظُرُ

Bermaksud: “Aku dan Khalid bin al-Walid bersama Rasulullah SAW masuk ke rumah Maimunah. Lalu dihidangkan kepada kami daging *dhab* yang telah dibakar dan Rasulullah SAW menghulurkan tangannya untuk mengambil daging tersebut. Tiba-tiba sebahagian daripada wanita yang berada di rumah Maimunah berkata: “Beritahulah kepada Rasulullah SAW hidangan apa yang beliau makan?.” Rasulullah SAW pun menarik tangannya, lalu aku bertanya: “Apakah daging tersebut haram wahai Rasulullah?.” Beliau menjawab: “Tidak, tetapi ia tidak terdapat di negeri

kaumku, maka aku tidak menyukainya.” Khalid berkata: “Aku mengambil daging tersebut dan memakannya, sedangkan Rasulullah SAW hanya melihat.”

3.2 Sebab-sebab Sunah Perlu Diikuti

- 1) Sunah menguatkan lagi apa yang disebut di dalam al-Quran. Contohnya, di dalam al-Quran ada diceritakan berkaitan Rukun Iman iaitu hal atau perkara yang melibatkan akidah sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah (2) ayat 285:

ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ ۚ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ
ءَامَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ ۚ وَكُتُبِهِ ۚ وَرُسُلِهِ ۚ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ
أَحَدٍ مِّن رُّسُلِهِ ۚ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۗ غُفْرَانَكَ رَبَّنَا
وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ﴿٢٨٥﴾

Maksudnya: Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya. (Mereka berkata): "Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain Rasul-rasulNya". Mereka berkata lagi: Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunanMu wahai Tuhan kami, dan kepadaMu jualah tempat kembali". (285)

Ayat ini menjelaskan berkaitan kepentingan beriman kepada Allah SWT, malaikat, kitab dan juga para rasul. Tambahan pula, kesemua ini merupakan rukun di dalam

rukun iman. Bagi menguatkan lagi ayat al-Quran di atas, terdapat sebuah hadis Nabi SAW yang menceritakan maksud iman sebagaimana dalam hadis Jibril riwayat Imam Muslim (8), daripada Umar al-Khattab RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

فَأَخْبَرَنِي عَنِ الْإِيمَانِ قَالَ: أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ
وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدْرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ

Maksudnya: “Jibril bertanya Nabi SAW: Beritahu kepadaku apakah yang dimaksudkan dengan Iman? Nabi SAW menjawab: “Iman adalah kamu beriman kepada Allah, malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para rasul-Nya, hari akhirat serta beriman kepada takdir Allah yang baik dan juga yang buruk,”

- 2) Sunah juga menghuraikan secara terperinci apa yang disebut di dalam al-Quran. Contohnya, di dalam al-Quran Allah SWT telah memerintahkan kita untuk mendirikan solat. Akan tetapi cara melakukan solat itu tidak dijelaskan di dalam al-Quran, tetapi ia dijelaskan atau dihuraikan di dalam Sunah. Firman Allah SWT dalam Surah an-Nur (24) ayat 56:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ
لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta berilah zakat; dan taatlah kamu kepada Rasul Allah; supaya kamu beroleh rahmat. (56)

Di dalam hadis, Nabi SAW telah menjelaskan secara terperinci berkaitan cara mendirikan solat dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari (757):

إِذَا قُمْتَ إِلَى الصَّلَاةِ فَكَبِّرْ، ثُمَّ اقْرَأْ مَا تيسَّرَ مَعَكَ مِنَ
الْقُرْآنِ، ثُمَّ ارْكَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ رَاكِعًا، ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى
تَعْتَدِلَ قَائِمًا، ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا، ثُمَّ ارْفَعْ
حَتَّى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا، ثُمَّ افْعَلْ ذَلِكَ فِي صَلَاتِكَ كُلِّهَا

Bermaksud: “Apabila kamu ingin mendirikan solat maka bertakbirlah. Kemudian kamu bacalah apa yang mudah daripada al-Quran. Kemudian rukuklah sehingga kamu bertamakninah dalam keadaan rukuk. Kemudian angkatlah (kepalamu) sehingga kamu lurus berdiri. Kemudian sujudlah sehingga kamu bertamakninah (ketenangan) dalam keadaan sujud. Kemudian angkatlah (kepalamu) sehingga kamu bertuma’ninah dalam keadaan duduk. Kemudian lakukanlah hal tersebut dalam solatmu keseluruhannya”.

- 3) Sunah mengkhususkan apa yang disebut secara umum di dalam al-Quran. Contohnya di dalam al-Quran, Allah SWT telah mengharamkan semua jenis bangkai dan juga benda yang berdarah. Akan tetapi, Sunah telah mengkhususkan daripada ayat al-Quran yang umum dengan beberapa jenis bangkai dan benda berdarah yang boleh dimakan. Firman Allah SWT dalam Surah al-Maa’idah (5) ayat 3:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أَلْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا
أُهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ

وَاللَّطِيحَةَ وَمَا أَكَلَ السَّبْعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ
 عَلَى النَّصَبِ وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَمِ ذَٰلِكُمْ فِسْقٌ
 الْيَوْمَ يَبْسُ الدِّينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَخْشَوْهُمْ
 وَأَخْشَوْنَ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ
 عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمْ الْإِسْلَامَ دِينًا فَمَنِ
 اضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ
 غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣﴾

Maksudnya: Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan juga) kamu merenung nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasik. Pada hari ini, orang-orang kafir telah putus asa (daripada memesongkan kamu) dari agama kamu (setelah mereka melihat perkembangan Islam dan umatnya). Sebab itu janganlah kamu takut dan gentar kepada mereka, sebaliknya hendaklah kamu takut dan gentar kepadaKu. Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu,

dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu. Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana sesungguhnya Allah maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (3)

Sebuah hadis Nabi Muhammad SAW mengkhhususkan ayat yang umum di atas, sebagaimana dalam hadis riwayat Imam Ahmad (5723), daripada Ibn Umar RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

أُحِلَّتْ لَنَا مَيْتَتَانِ، وَدَمَانِ. فَأَمَّا الْمَيْتَتَانِ: فَالْحُوتُ وَالْجِرَادُ، وَأَمَّا الدَّمَانِ: فَالْكَبِدُ وَالطِّحَالُ

Bermaksud: “Dihalalkan bagi kita dua jenis bangkai dan dua jenis darah. Adapun dua bangkai itu adalah ikan dan belalang. Manakala dua benda berdarah itu adalah limpa dan hempedu.”

- 4) Sunah juga menjelaskan dengan terperinci pernyataan umum yang terdapat dalam al-Quran. Contohnya, hukuman kepada pencuri, Allah SWT memerintahkan agar dipotong tangan orang yang mencuri. Akan tetapi, di dalam al-Quran tidak dinyatakan had ataupun bahagian tangan untuk dipotong itu. Firman Allah SWT dalam Surah al-Maa'idah (5) ayat 38:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جِزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٣٨﴾

Maksudnya: Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (38)

Di dalam ayat ini, Allah SWT menyebut tangan secara umum dan maksud tangan adalah bermula daripada hujung jari sehingga bahu. Maka Sunah mengkhususkan bahagian tangan mana yang perlu dipotong bagi kesalahan mencuri. Bahagian tangan yang dipotong bagi kesalahan mencuri adalah daripada hujung jari hingga pergelangan tangan berdasarkan apa yang diamalkan pada zaman Nabi SAW dan juga para sahabat.

- 5) Sunah menyatakan hukum-hukum yang tidak dinyatakan di dalam al-Quran. Ini jelas sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Hasyr (59) ayat 7:

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ
وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ
السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ
وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ
فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

Maksudnya: Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi

Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksanya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya). (7)

Contohnya adalah seperti pengharaman memakai emas dan sutera bagi kaum lelaki. Sebagaimana dalam hadis riwayat Imam an-Nasaie (5148), Nabi SAW bersabda:

حُرِّمَ لِبَاسُ الْحَرِيرِ وَالذَّهَبِ عَلَى ذَكَورِ أُمَّتِي ، وَأُحِلَّ
لِنَاثِيهِمْ

Maksudnya: “Umat-ku diharamkan bagi lelaki memakai sutera dan emas, dan dihalalkan (keduanya) bagi perempuan”

3.3 Sunah yang Wajib dan Sunah yang Sunat.

Terdapat beberapa pembahagian sunah yang boleh di lakukan dan tidak boleh dilakukan. Pembahagian sunah adalah seperti berikut:

- 1) Dibolehkan kepada Nabi SAW, tetapi haram bagi Umatnya.
- 2) Wajib bagi Nabi SAW, tetapi sunat bagi Umatnya.

3) Haram kepada Rasulullah SAW tetapi dibolehkan kepada Umatnya.

3.3.1 Dibolehkan kepada Nabi SAW, tetapi Haram bagi Umatnya

Ada beberapa perbuatan hanya boleh dilakukan oleh Rasulullah SAW, sebagai sebuah pengecualian. Namun buat kita sebagai umatnya hukumnya adalah haram jika dilakukan. Antara contohnya adalah:

1) Berpuasa *al-Wisol* (Bersambung)

Puasa *al-Wisol* adalah puasa yang tidak berbuka saat Maghrib, hingga puasa itu bersambung terus sampai esok harinya. Nabi Muhammad SAW berpuasa *al-Wisol* dan hukumnya adalah dibolehkan bagi Baginda SAW. Sementara kita sebagai umatnya adalah haram untuk kita berpuasa *al-Wisol*.

2) Boleh berkahwin lebih daripada 4 wanita

Rasulullah SAW dibolehkan untuk berkahwin lebih daripada 4 orang wanita dalam satu-satu masa, namun kita sebagai umatnya hanya dibolehkan mengahwini wanita tidak lebih daripada 4 orang dalam satu masa.

3.3.2 Wajib bagi Nabi SAW, tetapi Sunat bagi Umatnya

Terdapat juga beberapa perbuatan yang hukumnya wajib dikerjakan oleh Rasulullah SAW, namun sunat bagi umat yang melakukannya. Sebagai contoh:

1) Solat Dhuha

Solat Dhuha yang hukumnya sunat bagi kita, namun buat Nabi SAW hukumnya adalah wajib.

2) Qiyamullail

Solat malam (qiyamullail) dan dua rakaat fajar. Hukumnya sunat buat kita tetapi wajib bagi Rasulullah SAW.

3) Bersiwak/Bersugi

Kewajipan bagi Baginda SAW untuk bersiwak, tetapi buat umatnya hukumnya hanya sunat sahaja.

3.3.3 Haram kepada Rasulullah SAW Tetapi Dbolehkan kepada Umatnya

1) Menerima Harta Zakat

Nabi SAW dilarang sama sekali untuk menerima zakat. Demikian juga hal yang sama berlaku buat keluarga beliau (*ahlul bait*).

2) Haram Menikahi Wanita *Ahlul-Kitab*

Dihalalkan bagi umatnya menikahi wanita ahli kitab (beragama Yahudi dan Nasrani), sebagaimana telah dihalalkan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran Surah al-Maidah (5) ayat 5:

الْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ وَطَعَامُ الَّذِينَ
أُوتُوا الْكِتَابَ حَلْلٌ لَكُمْ وَطَعَامُكُمْ حَلْلٌ
لَهُمْ وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ
وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُحْصَنَاتُ
مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ

مُحْصِنِينَ غَيْرَ مُسْلِفِينَ وَلَا مُتَّخِذِي
 أَخْدَانٍ ۗ وَمَنْ يَكْفُرْ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ حَبِطَ
 عَمَلُهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِرِينَ ﴿٥﴾

Maksudnya: Pada masa ini dihalalkan bagi kamu (memakan makanan) yang lezat-lazat serta baik-baik. Dan makanan (sembelihan) orang-orang yang diberikan Kitab itu adalah halal bagi kamu, dan makanan (sembelihan) kamu adalah halal bagi mereka (tidak salah kamu memberi makan kepada mereka). Dan (dihalalkan kamu berkahwin) dengan perempuan-perempuan yang menjaga kehormatannya - di antara perempuan-perempuan yang beriman, dan juga perempuan-perempuan yang menjaga kehormatannya dari kalangan orang-orang yang diberikan Kitab dahulu daripada kamu apabila kamu beri mereka maskahwinnya, sedang kamu (dengan cara yang demikian), bernikah bukan berzina, dan bukan pula kamu mengambil mereka menjadi perempuan-perempuan simpanan. Dan sesiapa yang ingkar (akan syariat Islam) sesudah ia beriman, maka sesungguhnya gugurlah amalnya (yang baik) dan adalah ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi. (5)

3.4 Penggunaan Sunah dalam Kehidupan Sehari-hari

Antara contoh sunah yang boleh digunakan dalam kehidupan sehari-hari ialah:

- 1) Setiap kali memulakan makan, Rasulullah SAW akan membaca doa makan terlebih dahulu. Kemudian, Baginda SAW mengambil makanan yang paling dekat dengannya. Sekiranya makanan ataupun minuman yang dihidangkan masih panas, Baginda SAW tidak akan meniupnya. Antara sunah lain yang dilakukan Baginda SAW adalah dengan menjilat jari-jemari Baginda SAW yang masih mempunyai baki sisa makanan untuk membersihkannya selepas suapan terakhir.
- 2) Apabila bertemu dengan sesama Muslim, disunatkan untuk kita mengucapkan salam, "*Assalamualaikum* atau *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*".
- 3) Senyum adalah sunah Rasulullah SAW yang paling mudah untuk kita amalkan. Selalu memberikan senyuman kepada orang lain. Apabila bertemu ataupun terserempak dengan seseorang, maniskanlah muka dan ukirkanlah senyuman dari hati yang ikhlas.
- 4) Ketika ingin menyarung ataupun membuka pakaian, disunahkan ke atas kita untuk membaca Bismillah terlebih dahulu, dan selepas itu, mulakanlah dengan bahagian kanan seterusnya diikuti bahagian kiri pula.
- 5) Rasulullah SAW akan mendahulukan kaki kanan untuk menyarung kasut ataupun selipar dan diikuti kaki kiri. Ini juga merupakan sunah yang paling mudah dilakukan. Setiap hari apabila kita keluar dari rumah, jadikanlah sunah ini sebagai amalan kebiasaan.
- 6) Banyakkan berzikir memuji kebesaran Allah SWT. Banyak kelebihan yang kita perolehi jika kita mendidik diri untuk sentiasa berzikir memuji nama-nama Allah. Tidak

mengira waktu dan tempat, malah kita boleh berzikir pada bila-bila masa sahaja. Ketahuilah, dengan berzikir boleh menjadikan hati kita merasa tenang.

- 7) Sentiasa menjaga kebersihan diri, tempat tinggal dan persekitaran sekeliling. Nabi SAW menyukai orang-orang yang bersih dan pembersih.

3.5 Kelebihan Mengamalkan Sunah

Orang yang mengamalkan Sunah Rasulullah SAW dalam kehidupan sehariannya akan mendapat keuntungan di dunia di akhirat.

- 1) Disayangi oleh orang lain.
- 2) Hidup akan diberkati.
- 3) Dibenci oleh musuh/syaitan.
- 4) Agama Islam akan terpelihara.
- 5) Mendapat syafaat daripada Rasulullah SAW.
- 6) Mendapat pahala dan rahmat daripada Allah SWT.

3.6 Ibrah (Pengajaran) dari Mempelajari Bab Sunah

Antara pengajaran yang dapat diambil daripada bab ini adalah:

- 1) Kita dapat mengenali sumber-sumber utama agama Islam yang utama, iaitu al-Qu'ran dan juga Sunah Nabi SAW.
- 2) Kita mesti mempelajari Sunah Nabi SAW kerana ia merupakan pelengkap kepada al-Quran.
- 3) Dengan mengikuti dan mengamalkan Sunah Nabi SAW, kita akan mendapat keberkatan hidup di dunia, serta mendapat ganjaran pahala di akhirat.

- 4) Sunah merupakan rujukan dan sumber bagi gaya hidup Islam yang terbaik.
- 5) Setiap umat Islam wajib beriman dengan Sunah Nabi SAW dan menjauhi golongan yang menolak hadis dan Sunah Nabi SAW.

BAHAGIAN 4

SEJARAH PERKEMBANGAN DAKWAH PADA ZAMAN RASULULLAH SAW

4. SEJARAH PERKEMBANGAN DAKWAH PADA ZAMAN RASULULLAH SAW

4.1 Dakwah di Mekah

Ketika permulaan penyebaran Islam di kota Mekah selama 13 tahun, Nabi Muhammad SAW dan para sahabat menghadapi cabaran yang amat getir. Ketika di Mekah, usaha dakwah Baginda SAW boleh dibahagikan kepada tiga (3) fasa seperti berikut:

- 1) Dakwah secara rahsia dan sulit.
- 2) Dakwah terbuka kepada penduduk Mekah.
- 3) Dakwah ke luar Mekah dan tersebarnya dakwah di luar Mekah sehingga Hijrah Nabi SAW ke Madinah.

Seruan dakwah Nabi SAW bermula secara rahsia dan sulit selama kira-kira 3 tahun. Antara sahabat yang paling awal menerima dakwah Nabi Muhammad SAW:

- 1) Sayyidatina Khadijah RA.
- 2) Ali bin Abi Talib RA.
- 3) Zaid bin Harithah RA.
- 4) Abu Bakar Al-Siddiq RA.
- 5) Uthman bin Affan RA.
- 6) Al-Zubair bin Awwam RA.
- 7) Abdul Rahman bin Auf RA.
- 8) Sa'ad bin Abi Waqqas RA.

Dakwah secara sulit ini digerakkan supaya masyarakat Mekah tidak terkejut dengan agenda wahyu ini. Dakwah di Mekah lebih bersifat menguatkan akidah dan tauhid umat Islam yang

baharu sahaja menukar agama asal mereka. Oleh itu, penekanan yang diberikan oleh Baginda SAW semasa menyebarkan dakwah agama Islam di Mekah adalah menekankan konsep tauhid kepada Allah SWT.

Selepas itu, apabila bilangan umat semakin Islam bertambah sedikit demi sedikit, Nabi SAW telah memilih rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam RA sebagai lokasi menyampaikan risalah tauhid. Usaha dakwah tersebut telah membuahkan hasil apabila hampir 40 orang telah menerima seruan Islam. Inilah gambaran permulaan dakwah Nabi SAW yang penuh strategik. Walaupun sukar, nyata ia tidak melemahkan umat Islam, sebaliknya membina kekuatan jati diri umat Islam dan kasih sayang sesama umat Islam.

Kemudian, turunlah perintah Allah SWT supaya berdakwah secara terang-terangan melalui Surah asy-Syu'araa' (26) ayat 214:

وَأَنْذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ ﴿٢١٤﴾

Maksudnya: *Dan berilah peringatan serta amaran kepada kaum kerabatmu yang dekat.*
(214)

Langkah awal Nabi Muhammad SAW selepas turunnya ayat ini ialah dengan memanggil Bani Hashim terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, ia mendapat tentangan kuat daripada Abu Lahab (Bapa saudara Nabi SAW). Antara ayat lain yang memberikan arahan kepada Nabi SAW supaya berdakwah secara terbuka adalah dalam Surah al-Hijr (15) ayat 94:

فَأَصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ ﴿٩٤﴾

Maksudnya: Oleh itu, sampaikanlah secara berterus-terang apa yang diperintahkan kepadamu (wahai Muhammad), dan janganlah engkau hiraukan bantahan dan tentangan kaum kafir musyrik itu. (94)

Nabi Muhammad SAW akur dengan perintah tersebut dan telah mengumpulkan kaum Quraisy di Bukit Safa dan mengisytiharkan dakwah secara terang-terangan dengan mengajak kepada tauhid dan beriman kepada risalah yang dibawanya. Dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari (1394), Nabi SAW bersabda:

"هَلْ تُصَدِّقُونَ جَمِيعًا أَوْ لَا تُصَدِّقُونَ إِذَا أَخْبَرْتُكُمْ أَنَّهُ
خَلَفَ هَذَا التَّلْ هُنَاكَ بِمَجْمُوعَةٍ مِنَ الْأَعْدَاءِ الَّذِينَ
سَيَهَاجُونَكُمْ؟" فَأَجَابُوا: "بِالطَّبَعِ سَنُصَدِّقُ لِأَنَّنا لَمْ
نَسْمَعَكَ كَذِبَةً قَطُّ". ثم أَضَافَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ: "إِنِّي أَنَا حَامِلٌ خَبْرٍ مَخِيفٍ أَنَّ أَمَامِي عَذَابَ عَظِيمٍ
بَائِسٍ". بَعْدَ ذَلِكَ ، تَلَقَّى عَلَى الْفُورِ رَدًّا بِالرَّفْضِ مِنْ
قَرِيشٍ ، بِمَا فِي ذَلِكَ أَبُو هَبِّ . فَقَامَ أَبُو هَبِّ وَقَالَ:
هَلْكَ يَا مُحَمَّدُ ، هَلْ هَذَا هُوَ سَبَبُ جَمْعِكَ لَنَا؟

Bermaksud: "Adakah kamu semua akan percaya atau tidak sekiranya aku ceritakan bahawa di sebalik bukit ini ada sekumpulan musuh yang akan menyerang kamu?" Mereka menjawab, "Sudah pasti kami akan percaya kerana kami belum pernah mendengarmu berdusta." Kemudian Baginda SAW menambah: "Sesungguhnya, aku ini pembawa berita yang

menakutkan iaitu di hadapanku ini suatu azab sengsara yang paling hebat.” Selepas itu, langsung telah menerima maklum balas penolakan daripada kaum Quraisy termasuk Abu Lahab. Abu Lahab bangun dan berkata: “Binasa engkau hai Muhammad, apakah untuk ini sahaja sebab engkau mengumpulkan kami?”

Setelah peristiwa itu, bermulalah api penentangan dan penyeksaan dalam kalangan penduduk Mekah terhadap Baginda SAW dan para sahabat. Bentuk penentangan dan penyeksaan seperti ejekan, cercaan, penyebaran dakyah palsu, pemulauan ekonomi, penyeksaan sehingga ke tahap ugutan bunuh, datang satu demi satu kepada Baginda SAW dan para sahabat. Rentetan daripada itu, Allah SWT memerintahkan Nabi Muhammad SAW diperintahkan untuk berhijrah ke Madinah.

Setelah gagal memujuk Nabi SAW dan bapa saudaranya Abu Talib untuk meninggalkan agama Islam dengan pebagai cara, akhirnya kaum Quraisy mengambil tindakan keras dengan melakukan penyeksaan ke atas orang-orang Islam. Mereka menyeksa golongan yang lemah termasuk hamba dan fakir miskin. Antara orang Islam yang diseksa adalah Bilal bin Rabah RA, Ammar bin Yasir RA dan Khabbab bin al-Aratt RA. Penyeksaan ini adalah bertujuan supaya orang Islam meninggalkan agama mereka, dan membuatkan orang lain takut untuk memeluk agama Islam.

Antara penentangan kafir Quraisy terhadap dakwah Nabi SAW adalah:

- 1) Fitnah: Orang Quraisy menuduh Nabi SAW sebagai gila, ahli sihir dan pendusta. Mereka mendakwa Nabi SAW ialah pemecah belah masyarakat dan pemutus hubungan silaturahim.
- 2) Pemulauan: Orang Quraisy menghalang aktiviti berjual beli dan semua bentuk komunikasi dengan kaum Muslimin

termasuk perkahwinan. Tindakan itu menyebabkan kaum Muslimin mengalami kelaparan dan semakin tertekan. Pemulauan ini berlaku hampir 3 tahun.

- 3) Penyeksaan: Terdapat pelbagai seksaan yang dilakukan terhadap kaum Muslimin seperti dijemur di padang pasir dan diletakkan batu yang besar di atas dada mereka seperti yang berlaku kepada Bilal bin Rabah RA.
- 4) Pembunuhan: Ada juga dalam kalangan para sahabat yang dibunuh dengan kejam seperti Sayidina Yasir RA dan Sayidatina Sumayyah RA.

Maka setelah umat Islam ditindas dengan begitu teruk di Mekah, akhirnya turunlah wahyu daripada Allah SWT yang memerintahkan Nabi SAW dan umat Islam yang lain untuk berhijrah ke Kota Madinah.

4.2 Dakwah di Madinah

Umat Islam berhijrah ke Madinah secara beransur-ansur selepas menerima arahan daripada Rasulullah SAW. Mereka keluar dari Kota Mekah secara rahsia supaya tidak diketahui oleh kaum Musyrikin Mekah. Tiada seorang pun sahabat yang berani berhijrah secara terang-terangan kecuali Umar bin al-Khattab RA. Setelah hampir 2 tahun para sahabat beransur-ansur berhijrah ke Madinah, maka tibalah giliran barulah Rasulullah SAW berhijrah setelah mendapat isyarat daripada Allah SWT.

Sampainya Baginda SAW di Madinah, terdapat tiga keputusan strategik untuk melebarkan dakwah yang diambil oleh Baginda SAW:

- 1) Pembinaan masjid.
- 2) Mempersaudarakan umat Islam khususnya Muhajirin dan Ansar.

3) Dokumentasi perlembagaan pentadbiran negara Madinah (Piagam Madinah).

Masjid Quba dan Masjid Nabawi adalah institusi masjid terawal yang dibina di atas dasar takwa, berfungsi sebagai pusat ibadah dan dakwah. Masjid juga berfungsi sebagai pusat pengajian dan pengukuhan akidah. Selain itu, ia berperanan sebagai pusat pentadbiran, kemasyarakatan dan perundingan umat Islam.

Langkah strategik yang kedua ialah mempersaudarakan sesama Muslim. Kelompok *Aus* dan *Khazraj* telah diharmonikan. Menurut sejarah, kedua-dua kelompok ini sudah sekian lama bersengketa sesama sendiri sehingga bertempur dalam peperangan. Apabila hadirnya cahaya Islam ke Madinah, Nabi Muhammad SAW telah mendamaikan kedua-dua kelompok tersebut. Firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran (3) ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ
اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءَ فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ
فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ
النَّارِ فَأَنْقَذَكُم مِّنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ
لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya: Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (ugama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat

Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangannya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya. (103)

Selain itu, golongan Muhajirin dan Ansar juga turut dipersaudarakan. Sebagai contoh Baginda SAW telah mempersaudarakan Jaafar bin Abi Talib RA dengan Muadz bin Jabal RA dan Hamzah bin Abdul Mutalib RA dengan Zaid bin Harithah RA. Manakala Abu Bakar al-Siddiq RA dengan Kharijah bin Zuhair RA dan seterusnya sahabat-sahabat yang lain. Inilah wawasan strategik Baginda SAW mengangkat roh kasih sayang dalam melebar dakwah. Semangat ketaksuban membuta tuli dan perkauman jahiliah dihapuskan. Semuanya bersatu di atas nama iman dan Islam. Apabila hati dan jiwa berpadu, umat akan bertambah gagah.

Langkah strategik ketiga yang direncanakan oleh Nabi Muhammad SAW adalah dengan menggubal Perlembagaan pentadbiran negara iaitu *Sahifah Madinah* yang mengandungi 47 Fasal kesemuanya. Perlembagaan ini berperanan sebagai pedoman hidup bernegara dalam suasana masyarakat majmuk di Madinah ketika itu. Pendekatan secara menyeluruh dan lengkap yang berteraskan kedamaian ini telah memancarkan sinar baharu kepada Kota Madinah.

Kepintaran dan kebijaksanaan Baginda SAW telah menggerakkan asas masyarakat baharu di Madinah. Ia telah menonjolkan syiar Islam melalui peribadi dan teladan mulia, serta menjulang tinggi semangat kasih sayang dan rasa kebersamaan. Ia menjadi asas kepada perkembangan dakwah serta membawa rahmat ke pelusuk dunia.

Penyebaran dakwah Islam di Madinah menekankan kepada kemantapan dan kesempurnaan agama Islam. Semasa di Mekah Baginda SAW memantapkan akidah umat Islam. Setelah berhijrah ke Madinah, penyebaran Islam menumpukan kepada bidang ibadah, muamalat dan kesempurnaan akhlak seperti yang dianjurkan oleh Islam.

4.3 Peristiwa Hijrah Nabi Muhammad SAW

4.3.1 Peristiwa Hijrah ke Habsyah


Setelah Baginda Nabi Muhammad SAW melihat semakin ramai sahabat-sahabat Baginda SAW menderita diseksa, Baginda SAW menyuruh orang Islam berhijrah ke Habsyah. Kesemua mereka adalah seramai 12 orang lelaki dan 4 orang perempuan termasuk Uthman bin Affan RA dan isterinya, Ruqayyah binti Rasulullah SAW.

Pada tahun ke-7 kenabian, orang Islam berhijrah ke Habsyah kali yang kedua seramai 83 orang lelaki dan 28 orang perempuan. Ketika kaum Quraisy mengetahui penghijrahan orang Islam ke Habsyah, mereka menghantar utusan kepada Raja al-Najasyi dengan membawa hadiah bagi memujuknya supaya menghantar pulang rombongan orang Islam kembali ke Mekah. Raja al-Najasyi memanggil Jaafar bin Abi Talib RA, wakil rombongan orang-orang Islam bagi memberi penjelasan tentang agama Islam.

Raja al-Najasyi tertarik dan yakin dengan kebenaran agama Islam seterusnya bersetuju menerima orang Islam untuk terus tinggal di Habsyah. Utusan kaum Quraisy pulang ke Mekah dengan rasa kecewa. Orang-orang Islam tinggal di Habsyah dalam tempoh selama 13 tahun. Mereka kembali bertemu Nabi Muhammad SAW ketika Baginda SAW telah berhijrah ke Madinah.

4.3.2 Peristiwa Hijrah ke Taif

Selepas kewafatan Saidatina Khatijah RA dan Abu Talib pada tahun ke 10 kenabian, orang kafir Quraisy semakin berani menghina dan menyakiti Nabi SAW. Maka Baginda SAW pergi ke Taif dan menuju ke perkampungan Bani Tsaqif bersama anak angkatnya Zaid bin Harithah RA.



Gambar 3: Gambaran Kedudukan Taif di Peta

Tujuan Baginda SAW, ke sana adalah bagi menyeru mereka untuk menerima dakwah Islam serta memohon bantuan dan perlindungan daripada penduduk Taif. Namun begitu, orang-orang Taif telah menolak seruan Nabi SAW serta enggan memberi bantuan dan perlindungan. Sebaliknya, mereka menyuruh budak-budak nakal mengherdik dan melontar batu terhadap Rasulullah SAW dan Zaid bin Harithah RA sehingga berdarah kaki Baginda SAW.

Walaupun Baginda SAW telah dihina dan dicerderakan oleh penduduk Taif namun Baginda SAW tetap mendoakan keselamatan dan kesejahteraan penduduk Taif dan memohon supaya Allah SWT tidak memurkai penduduk Taif atas perbuatan mereka. Setelah itu, Baginda SAW pulang ke Kota Mekah dan diberi perlindungan oleh seorang pemimpin Quraisy yang bernama Wutim bin Adi yang bersimpati terhadap Baginda SAW dan bersedia membantu untuk memasuki Kota Mekah. Seterusnya, Baginda SAW mula menumpukan seruan dakwah kepada Kabilah Arab yang datang dari luar Kota Mekah untuk menunaikan haji.

4.3.3 Nabi SAW Berhijrah ke Madinah

Selepas 13 tahun berdakwah di Mekah, kini sudah tiba perintah Allah SWT agar Baginda SAW berhijrah ke Madinah. Hijrah ke Madinah merupakan hijrah yang agung, bahkan dinanti-nantikan oleh sekalian sahabat RA. Ini adalah kerana menurut riwayat Aishah RA, umat Islam disiksa dengan berat sehingga mereka mengadu kepada Rasulullah SAW dan meminta izin untuk berhijrah.

Kaum musyrikin Quraisy tidak senang melihat orang Islam berhijrah kerana dikhuatiri mereka akan mewujudkan kuasa baharu di Madinah. Abu Jahal mencadangkan supaya Nabi SAW dibunuh sebelum Baginda SAW sempat berhijrah. Dengan cara ini mereka berharap ajaran Islam akan terkubur.

Berita ini telah diketahui oleh Nabi SAW bahawa kaum Quraisy akan membunuh Baginda SAW dirumahnya, maka Nabi SAW menyuruh Ali bin Abi Talib RA tidur di tempat tidurnya dan berselimut dengan selimut Baginda SAW sehingga kaum musyrikin tidak dapat melihat wajahnya. Akhirnya kaum musyrikin tidak dapat membunuh Nabi SAW kerana orang yang sedang tidur itu adalah Ali bin Abi Talib RA dan bukannya Nabi SAW.

Kafir Quraisy tidak berputus asa. Mereka mengarahkan tentera lengkap bersenjata berkawal di semua jalan masuk ke Mekah. Malah mereka menawarkan 100 ekor unta kepada sesiapa yang dapat menangkap Nabi SAW. Disebabkan tawaran yang lumayan itu, ramai yang cuba memburu Rasulullah SAW.

4.4 Nabi SAW Berhijrah Bersama-sama dengan Abu Bakar RA

Pada waktu malam kaum Quraisy mengepung rumah Nabi SAW. Nabi SAW dan Abu Bakar RA telah bersembunyi di Gua Thur selama 3 malam. Setiap malam anak lelaki Sayidina Abu Bakar RA, akan datang membawa maklumat tentang rancangan kaum kafir Quraisy.

Sebagai persiapan untuk berhijrah, Sayidina Abu Bakar RA telah menyediakan dua ekor unta sebagai tanggungannya dengan Nabi SAW ke Madinah. Beliau mengupah Abdullah bin Uraiqit untuk memandu arah dan Amir bin Fuhairah ditugaskan mengembala kambing berdekatan Gua Thur. Beliau akan membawa bekalan susu dan makanan kepada Nabi SAW dan Abu Bakar RA dan kambing-kambingnya juga dibawa bersama bagi menghilangkan jejak tapak kaki mereka.

Setelah bermalam 3 hari di Gua Thur, keesokan harinya Nabi SAW dan Abu Bakar RA keluar dari Gua Thur, menuju ke Kota Madinah yang dipandu oleh Abdullah bin Uraiqit yang pakar dalam selok belok jalan rahsia menuju ke Kota Madinah melalui jalan yang tidak biasa dilalui supaya mereka tidak dapat dijejaki oleh kaum kafir Quraisy. Perjalanan mengambil masa selama 8 hari untuk sampai di Quba berhampiran dengan Madinah pada 12 Rabiulawal 1 Hijrah.

Berita penghijrahan Nabi dari Mekah ke Madinah telah tersebar dengan meluas di Madinah. Sejak berita itu, penduduk Madinah tidak sabar menunggu ketibaan Nabi SAW terutamanya umat Islam yang terdiri daripada kaum Ansar. Setelah berehat di Quba, Nabi meneruskan perjalanan ke Kota

Madinah. Sepanjang jalan dari Quba ke Madinah dipenuhi oleh manusia menyambut ketibaan Nabi.

Ketika memasuki Kota Madinah, Baginda SAW telah disambut dengan suara *tahmid* dan bait-bait:

طَلَعَ الْبَدْرُ عَلَيْنَا . مِنْ نَيْبَاتِ الْوَدَاعِ . وَجَبَ الشُّكْرُ
عَلَيْنَا . مَا دَعَى لِلَّهِ دَاعٍ . أَيُّهَا الْمَبْعُوثُ فِينَا . حِجَّتْ
بِالْأَمْرِ الْمُطَاعِ .

Bermaksud: *“Telah bersinarlah bulan purnama kepada kita. Dari lembah-lembah Thaniyah al-Wada. Wajiblah ke atas kita untuk bersyukur. Selagi ada penyeru yang menyeru kepada Allah. Aduhai Nabi yang diutuskan kepada kami. Kamu membawa perintah yang pasti dijunjung”.*

Setelah 10 tahun terbinanya kerajaan Islam di Madinah, di bawah pemerintahan Nabi SAW sebagai ketua negara Madinah, penyebaran Islam semakin meluas tersebar ke seluruh pelusuk dunia. Begitulah betapa besarnya jasa Nabi SAW dan para sahabat yang sanggup menggadai nyawa hanya semata-mata untuk meninggikan syiar Islam dan menyebarkan agama yang mulia ini sehingga dapat sampai kepada diri kita.

4.5 Kesan Hijrah kepada Perkembangan Islam

Kesan penghijrahan Nabi Muhammad SAW ke Madinah dapat dilihat daripada beberapa aspek:

- 1) Aspek agama: Ajaran Islam semakin tersebar kerana dakwah dapat dilaksanakan secara lebih terbuka.

- 2) Aspek sosial: Kehidupan masyarakat Madinah berubah kepada sistem hidup yang lebih baik dari segi akidah, syariah dan akhlak.
- 3) Aspek politik: Tertegaknya negara Islam pertama yang berdaulat di bawah pimpinan Rasulullah SAW.
- 4) Aspek ekonomi: Kedudukan ekonomi umat Islam semakin kukuh melalui sistem ekonomi Islam yang dilaksanakan.

Penghijrahan Nabi Muhammad SAW dari Kota Mekah ke Kota Madinah merupakan pencetus kepada penyebaran agama Islam ke seluruh dunia. Setelah Baginda SAW sampai di Kota Madinah, Baginda SAW telah menubuhkan sebuah negara Islam yang pertama dalam sejarah umat Islam. Setelah negara Islam Madinah semakin kukuh dan stabil dari sudut ekonomi, politik dan sosial, bermulalah proses penyebaran dakwah ke seluruh pelusuk dunia sehinggalah agama Islam sampai ke negara kita.

Kegemilangan Islam tercipta selepas berlakunya hijrah Rasulullah SAW yang mengeluarkan masyarakat daripada tekanan kepada kebebasan, kemiskinan kepada kekayaan dan sengsara kepada kedamaian. Kejayaan hijrah ke Madinah, dari sudut sebab musababnya adalah hasil usaha kerja tersusun mantap yang dilakukan sekian lama. Ia bukan satu kebetulan tanpa perancangan dan strategi yang teratur. Hijrah menjadi sangat penting dan sungguh besar ertinya kerana ia menentukan Islam dan umatnya terus hidup berkembang dengan jayanya. Atas kepentingan peristiwa hijrah, maka ia diabadikan ingatannya dengan dijadikan tahun pertama bagi kalendar Islam.

Begitu juga apa yang berlaku kepada para muallaf yang telah memilih Islam sebagai agama. Bersyukur kerana Allah SWT telah memilih kita menjadi seorang Muslim. Sesungguhnya Allah SWT telah memberi hidayah-Nya (petunjuk-Nya) kepada mereka yang dikehendakiNya. Sebagaimana Surah al-Qasas (28) ayat 56:

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ

وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) tidak berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasihi (supaya ia menerima Islam), tetapi Allah jualah yang berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturannya); dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang (ada persediaan untuk) mendapat hidayah petunjuk (kepada memeluk Islam). (56)*

Jadikan penghijrahan yang bernilai ini dengan mempelajari, menghayati dan mengamalkan semua ajaran Islam seperti yang telah ditetapkan. Ini kerana tidak semua manusia dipilih oleh Allah SWT untuk mengecapi dan menikmati keindahan Islam sebagai agama. Gunakan pendekatan dakwah Rasulullah SAW untuk berdakwah kepada ibu bapa, keluarga terdekat, sahabat-sahabat yang masih belum Islam.

4.6 Pengajaran daripada Peristiwa Dakwah dan Hijrah Nabi SAW

Terdapat banyak pengajaran yang boleh diambil setelah mempelajari bab ini, antaranya ialah:

- 1) Betapa besarnya jasa dan pengorbanan Nabi SAW dan para Sababat RA yang sanggup berjuang dan berkorban demi membawa agama Islam sehingga sampai kepada kita pada hari ini.

- 2) Aktiviti dakwah perlu diteruskan oleh setiap Muslim. Mengajak dan menunjukkan kebaikan dan keistimewaan agama Islam kepada orang lain.
- 3) Dalam mengerjakan dakwah kita perlu menyusun strategi yang baik supaya dakwah yang disampaikan lebih berkesan seperti bercakap lemah lembut, menunjukkan akhlak yang baik serta mengikut arahan pemimpin.
- 4) Peristiwa hijrah mengajar kepada kita bahawa setiap orang yang beriman itu akan sentiasa diuji berdasarkan kepada tahap keimanan masing-masing.
- 5) Ujian datang bagi menguatkan keimanan diri kita serta tanda kasih sayang Allah SWT kepada hamba-Nya, serta mengajar erti sabar dan tawakkal kepada Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah (2) ayat 286:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ
وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ
أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى
الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحْمِلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ
وَاعْفُ عَنَّا وَارْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا

عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

Maksudnya: Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami!

Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami ! Janganlah Engkau bebaskan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebaskan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir".
(286)

- 6) Atas dasar iman, para sahabat RA sanggup meninggalkan kampung halaman, harta benda, rela berpisah dengan orang yang dicintainya semata-mata memenuhi perintah Allah SWT.
- 7) Sebagai umat Islam, kita wajib berkorban apa sahaja seperti diri, nyawa dan harta benda, demi mempertahankan agama Islam yang mulia ini apabila agama Islam diancam musuh.

RUJUKAN

Al-Quran.

Hadis.

Akran Dhiya' al-Umuri (2010). Shahih Sirah Nabawiyah. (Jakarta: Pustaka al-Sunnah).

Muhammad Husain Haekal, 1995, Sejarah Hidup Muhammad, Litera AntarNusa.

Mustafa al-Siba'l (2015), al-Sirah al-Nabawiyah al-Durus wa 'Ibar (terj.), Selangor: Pustaka Salam.

Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti (1983), Fiqh al-Sirah (terj.), Selangor: Dewan Pustaka Fajar.

Safi ul- Rahman al-Mubarakpuri, 2014, Cahaya Abadi Riwayat Hidup Rasulullah SAW, al-Hidayah Publication.

Zaid bin Abdul Karim al-Zaid (1424 H), Fiqh al-Sirah, Riyadh: Darut Tadmuriyyah.

Dorar.net

BUKU TEKS KELAS PENGAJIAN ISLAM PERKIM

SIRAH

TAHAP PERTENGAHAN

ISBN 978-967-25609-8-2



9 7 8 9 6 7 2 5 6 0 9 8 2



PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM) 2021